



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	8/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	: 22
JABATAN	:	ST		

### Masih ada dobi guna LPG tanpa lesen sah

BH, 8 Sept  
2021\_22

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Tenaga (ST) mengesan masih terdapat pengusaha dobi beroperasi menggunakan sistem gas berpaip, terutama Gas Petroleum Cecair (LPG) daripada pihaknya tanpa lesen sah.

Suruhanjaya itu berkata, pengusaha dobi di Semenanjung Malaysia dan Sabah yang menggunakan sistem gas terbabit untuk mesin pengering dan pemanas air di premis mereka perlu mendapatkan kelulusan serta lesen gas sah dari ST.

Katanya, ini bagi memastikan reka bentuk sistem gas berpaip di premis yang berkenaan dipasang mengikut piawai ditetapkan serta dapat dikendalikan dengan selamat.

"Masih ada pengusaha dobi mengabaikan keperluan undang-undang dan pematuhan piawai keselamatan ditetapkan sehingga menyebabkan berlakunya kes kemalangan, kebakaran atau letupan disebabkan kebocoran gas.

"Ini termasuk kes letupan gas di premis dobi di Taiping, Perak pada Mei lalu yang menyebabkan seorang pengguna cedera. Hasil siasatan awal mendapati premis dobi itu beroperasi tanpa kelulusan dan lesen sah daripada ST," katanya dalam kenyataan, semalam.

ST menegaskan kegagalan mematuhi Subseksyen 11(1) Akta Bekalan Gas 1993 boleh menyebabkan pengusaha dobi didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan.

"Mereka juga boleh didenda sehingga RM1,000 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan," katanya.